**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E ,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

# PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO.7) 2020

**[*P.U. (A) 181/2020*]**

## PERATURAN 10

## ARAHAN KETUA PENGARAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.7) 2020 [*P.U. (A) 181/2020*], maka saya Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, dengan ini menetapkan Prosedur Operasi Standard (Fasa Pemulihan) seperti mana di Lampiran sebagai arahan.

Bertarikh pada 18 Julai 2020

**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**
Ketua Pengarah Kesihatan

## Lampiran Prosedur Operasi Standard (SOP)

Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.7) 2020

| BIL | SEKTOR | KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI |
|---|---|---|
| 1 | Senarai Aktivit yang Dilarang | Majlis Keselamatan Negara |
| 2 | Garis Panduan Pelaksanaan Pilihan Raya Kecil | Suruhanjaya Pilihan Raya |
| 3 | Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta | Majlis Keselamatan Negara |
| 4 | Majlis Sosial | Majlis Keselamatan Negara |
| 5 | Perkhidmatan Latihan Kemahiran | Kementerian Sumber Manusia |
| 6 | Pelaksanaan Persidangan Parlimen | Jabatan Perdana Menteri |
| 7 | Persidangan / Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Berdaftar | Kementerian Dalam Negeri |

# SEKTOR PERKHIDMATAN LATIHAN KEMAHIRAN

Dikemaskini pada 18 Julai 2020

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi:** | | **Waktu Kehadiran:** | | **Kapasiti pekerja** | **100%** |
| **Latihan / PPT** | **8.00 pagi - 6 petang** | **Pelanggan** | **8.00 pagi - 4.30 petang** | **Kapasiti pelajar** | **Berdasarkan ruang bengkel / kuliah / asrama** |
| **Kursus Jangka Pendek (KJP)** | **8.00 pagi – 10 malam** | **Pelawat** | **Tidak dibenarkan** | **Kapasiti calon PPT** | **Maksimum 6 orang per sesi** |

## Merangkumi

- ILK di bawah KPLB, KSM, KBS, KKR dan agensi kerajaan yang berkaitan;
- Pusat Bertauliah dan premis penilaian Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah JPK

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sukan tertakluk mengikut SOP PKPP KBS
- Aktiviti keagamaan secara berkumpulan/berjemaah tertakluk arahan kerajaan negeri

## Arahan Tetap

- Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342)
- SOP Sektor Sukan dan Rekreasi, KBS
- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta, MKN
- Garis Panduan Pengurusan Institusi Latihan Kemahiran PKPP COVID-19
- Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) semasa PKPP
- Garis Panduan Pengurusan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) semasa PKPP
- Garis Panduan Pengurusan Penilaian melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) semasa PKPP
- Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652)
- Arahan dari semasa ke semasa akan digunapakai

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Pengurusan Institut | i. Penjarakan sosial - Memastikan penjarakan sosial 1 meter dalam semua aktiviti dengan amalan 3W (*Wash, Wear, Warn*) dan elakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang dekat-dekat).<br>ii. Memastikan amalan kebersihan tangan setiap masa serta pemakaian pelitup muka:<br>a) Menyediakan *hand sanitizer* atau air dan sabun yang mencukupi di pintu masuk pejabat/bilik kuliah/ bengkel.<br>b) Membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air/ *hand sanitizer* dan memakai pelitup muka serta menyediakan *sanitizer* kepada pekerja.<br>iii. Pemeriksaan kesihatan dan mengenal pasti pelajar, pengajar dan warga institut serta pekerja kontraktor syarikat yang bergejala:<br>a) Mengambil dan merekod suhu badan pada awal waktu setiap hari sebelum mula bekerja/ sesi latihan.<br>b) Jika suhu badan melebihi 37.5 C dan bergejala seperti batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas hendaklah diasingkan ke bilik isolasi sebelum dirujuk ke klinik.<br>iv. Pembersihan dan disinfeksi (nyah kuman) ruang latihan, peralatan dan kelengkapan latihan:<br>a) Pembersihan dan nyah kuman dilakukan setiap hari dan lebih kerap di kawasan guna sama terutamanya di kawasan kerap disentuh seperti tombol pintu, pemegang pintu dan lain-lain.<br>b) Sanitasi peralatan/mesin/bahan sebelum dan selepas digunakan.<br>v. Hebahan maklumat langkah kebersihan dan keselamatan:<br>a) Memastikan hebahan tentang langkah kebersihan dan keselamatan dibuat melalui poster atau sebarang medium hebahan di kawasan premis.<br>vi. Pengesanan Kontak - Penggunaan buku rekod atau aplikasi MySejahtera. |

# SEKTOR PERKHIDMATAN LATIHAN KEMAHIRAN

Dikemaskini pada 18 Julai 2020

## Merangkumi

- ILK di bawah KPLB, KSM, KBS, KKR dan agensi kerajaan yang berkaitan;
- Pusat Bertauliah dan premis penilaian Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah JPK

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sukan tertakluk mengikut SOP PKPP KBS
- Aktiviti keagamaan secara berkumpulan/berjemaah tertakluk arahan kerajaan negeri

## Arahan Tetap

- Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342)
- SOP Sektor Sukan dan Rekreasi, KBS
- SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta, MKN
- Garis Panduan Pengurusan Institusi Latihan Kemahiran PKPP COVID-19
- Garis Panduan Pengurusan Latihan Kemahiran melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) semasa PKPP
- Garis Panduan Pengurusan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) semasa PKPP
- Garis Panduan Pengurusan Penilaian melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) semasa PKPP
- Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652)
- Arahan dari semasa ke semasa akan digunapakai

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi:** | | **Waktu Kehadiran:** | | **Kapasiti pekerja** | **100%** |
| **Latihan / PPT** | **8.00 pagi - 6 petang** | **Pelanggan** | **8.00 pagi - 4.30 petang** | **Kapasiti pelajar** | **Berdasarkan ruang bengkel / kuliah / asrama** |
| **Kursus Jangka Pendek (KJP)** | **8.00 pagi – 10 malam** | **Pelawat** | **Tidak dibenarkan** | **Kapasiti calon PPT** | **Maksimum 6 orang per sesi** |

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 2. Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) | i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter di dalam semua aktiviti semasa sesi latihan<br>ii. Memastikan amalan kebersihan tangan setiap masa serta pemakaian pelitup muka<br>iii. Sanitasi peralatan/mesin/bahan sebelum dan selepas digunakan<br>iv. Peringatan dan hebahan maklumat secara berterusan perlulah dibuat sepanjang Pengajaran dan Pembelajaran |
| 3. Pengurusan asrama pelajar dan dewan makan | <u>Pengurusan asrama</u>:<br>i. Setiap pengawal dan kakitangan haruslah diberi taklimat berhubung penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan<br>ii. Memastikan penjarakan sosial 1 meter di tempat penginapan<br>iii. Keluar harian atau *outing* pelajar dan balik rumah keluarga atau taulan untuk bermalam tidak dibenarkan kecuali kecemasan<br><u>Pengurusan dewan makan</u>:<br>i. Hidangan makanan adalah digalakkan secara individu/ *pre-pack.*<br>ii. Susun atur meja hendaklah mengambil kira penjarakan sosial 1 meter.<br>iii. Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara *pack-food,* hidang (*served*), *dome setting atau buffet* yang diseliakan oleh pramusaji untuk mencedok makanan ke pinggan pelajar/tetamu. Pelajar/tetamu juga digalakkan untuk menggunakan sarung tangan pakai buang (*disposable gloves*) bagi mencedok makanan ke pinggan. |
| 4. Verifikasi/penilaian calon Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di Premis Penilaian | i. Tidak melebihi 6 orang calon per sesi verifikasi/penilaian.<br>ii. Tidak melebihi 8 jam sesi verifikasi. |